

Press Clipping

Port Klang Free Zone

Publication: Berita Harian
Nasional (1 of 1)

Date: September 5, 2007

Pinjaman mudah untuk LPK urus Zon Bebas

KERAJAAN memutuskan memberi pinjaman mudah pada kadar faedah empat peratus setahun kepada Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) bagi menguruskan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang berhadapan masalah kewangan selepas keseluruhan projek itu dibangunkan serentak.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin, berkata kerajaan bagaimanapun masih be-

lum memutuskan butiran syarat dan terma skim pinjaman itu.

Katanya, secara asasnya kadar faedah pinjaman itu adalah empat peratus dengan tempoh pembayaran balik tujuh tahun tetapi beberapa butiran untuk memuktamadkan skim pinjaman itu sedang diperhalusi.

"Ini bukannya *bail-out* (menyelamatkan), ini pinjaman yang diberikan dengan faedah," katanya mengu-

lung Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2007), semalam.

Awang Adek berkata, pinjaman itu diputuskan kerana PKFZ adalah projek nasional yang dibangunkan di atas kawasan 1,000 ekar (400 hektar) membabitkan penyediaan infrastruktur untuk membantu pertumbuhan kargo di Pelabuhan Klang. Selangor, membabitkan kos keseluruhan RM4.6 bilion.

Beliau berkata, pada peringkat

awal perancangan, PKFZ dijangka mampu menjana kewangan sendiri apabila dibangunkan dalam dua fasa iaitu 500 ekar (200 hektar) dalam fasa pertama dan 500 ekar lagi dalam fasa kedua.

Bagaimanapun, atas nasihat pakar iaitu Jebel Ali Free Zone Authority (JAFZA), syarikat yang mempunyai reputasi cemerlang dalam bidang pengendalian zon bebas, Kabinet menerima cadangan supaya

PKFZ dibangunkan sekali gus membabitkan kawasan 1,000 ekar bagi mengelakkan masalah keselamatan dan memudahkan pergerakan barang.

"Berikutan tindakan itu, dana yang dijangka diperolehi daripada fasa pertama dan digunakan dalam pembangunan fasa kedua tidak terjadi, sekali gus menjadikan projek itu tidak lagi berkeupayaan menjana wang sendiri," katanya.